



## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

#### **PELANTIKAN KETUA EKSEKUTIF PTPTN**

1. Sukacita Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memaklumkan bahawa Encik Ahmad Dasuki bin Abdul Majid, 45 tahun telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif PTPTN berkuatkuasa pada 21 Januari 2020. Pelantikan ini adalah bagi menggantikan Encik Wan Ahmad bin Wan Yusoff yang telah bersara pada 18 Ogos 2019.
2. Pelantikan Encik Ahmad Dasuki bin Abdul Majid dipersetujui oleh Lembaga Pengurusan PTPTN berdasarkan kepada pengalaman serta kepakaran beliau. Encik Ahmad Dasuki merupakan salah seorang pegawai terawal yang menyertai PTPTN pada tahun 1998. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana dalam jurusan Pengurusan Perniagaan dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Perakaunan dan Kewangan dari Universiti of Greenwich, United Kingdom. Beliau mempunyai rekod cemerlang dalam perkhidmatan dan diyakini mampu memacu PTPTN ke era baru.
3. “Saya selaku Pengerusi dan mewakili seluruh warga PTPTN mengucapkan tahniah serta mengalu-alukan pelantikan Encik Ahmad Dasuki sebagai Ketua Eksekutif PTPTN. Saya yakin beliau akan dapat memimpin pelaksanaan strategi yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengurusan PTPTN demi memastikan bebanan peminjam dapat diringankan sekali gus melestarikan PTPTN untuk terus menyumbang dalam pembentukan modal insan negara”, kata Pengerusi PTPTN, Encik Wan Saiful Wan Jan.